

Persediaan mahasiswa ke peringkat global

JH
(Kecantikan)
Khamis
17/1/13
ms 24

Kuasai bahasa asing, sertai program antarabangsa

Era globalisasi memperlihatkan dunia kini semakin mengecil dengan berkembangnya teknologi maklumat yang serba canggih. Kemajuan teknologi menyebabkan segala ilmu dan pengetahuan boleh diperoleh tanpa sempadan dengan menggunakan hujung jari sahaja.

Globalisasi juga telah memberikan kesan besar terhadap sistem pendidikan sesebuah negara yang mana sistem pendidikan pada hari ini perlu berada dalam konteks keantarabangsaan, selain mampu diterima pada peringkat antarabangsa.

Persediannya, adakah mahasiswa atau institusi pengajian tinggi (IPT) itu telah bersedia dan mengambil berat akan hal ini?

Ada beberapa langkah yang perlu diambil kira jika sesebuah IPT itu ingin bergerak ke arah pengantarabangsaan dan mendedahkan pelajarannya kepada suasana antarabangsa.

Antara langkah itu ialah mendedahkan pelajar IPT dengan bahasa asing. Antara bahasa utama yang perlu diberi perhatian adalah bahasa Inggeris, Perancis, Jepun, Arab, Jerman dan Mandarin.

Pendedahan tiga bahasa asing

Mahasiswa masa kini perlu didedahkan sekurang-kurangnya tiga bahasa asing bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan pelbagai bangsa di dunia ini. Pada zaman ini seseorang mahasiswa tidak boleh bergantung kepada kebolehan berbahasa Inggeris sahaja kerana negara di Asia Barat seperti China dan Jepun juga dijadikan contoh dalam membangunkan negara ini.

Langkah seterusnya, mahasiswa juga perlu mempelajari dan mengetahui isu antarabangsa yang hangat diperkatakan pada hari ini. Dalam hal ini, mahasiswa tidak seharusnya dihadapkan dengan ilmu sains, kejuruteraan, matematik, perakuan, ekonomi saja, malah mereka juga perlu disogokkan dengan ilmu berkaitan isu antarabangsa.

Ini bagi membolehkan mereka mempelajari dan mengetahui apakah yang berlaku di sekeliling mereka yang akhirnya akan mempengaruhi dunia secara keseluruhan. Ini seiring dengan dasar pendidikan negara ini yang ingin melahirkan ilmuwan yang berfikiran global.

Dalam pada itu, IPT atau universiti juga perlu memperbanyakkan program antarabangsa bagi mendedahkan pelajar kepada suasana antarabangsa. Kepelbagaian program akan memberikan pelajar banyak pilihan mengikut kebolehan dan minat pelajar.

Dewasa ini, banyak IPT yang mengadakan program antarabangsa

atau program akademik berkembar dengan universiti luar negara, tetapi persoalannya, sejauh manakah pelajar IPT terabit dalam program ini? Adakah mereka mempunyai minat dan ruang untuk terabit dan apakah faedah program itu kepada mereka dan akhir sekali adakah program tersebut mampu menjadikan pelajar itu berfungsi pada peringkat global.

Persoalan ini perlu difikirkan bersama-sama kerana ia membabitkan kos yang amat tinggi dan jika silap perancangan akan merugikan negara dan pelajar itu sendiri.

Pelajari budaya antarabangsa

Dalam pada itu, pelajar pada hari ini juga perlu mempelajari dan mengetahui budaya antarabangsa. Langkah paling mudah ialah universiti perlu menyediakan ruang dan peluang untuk pelajarannya menimba

“**Universiti juga perlu memperbanyakkan program antarabangsa bagi mendedahkan pelajar kepada suasana antarabangsa**”

segala ilmu berkaitan budaya antarabangsa yang mencakupi aspek politik, ekonomi, cara hidup, cara bekerja, cara berfikir, teknologi, dan lain-lain aspek mengenai kehidupan masyarakat luar.

Justeru, kepada IPT di luar sana gunalah peluang yang ada agar mahasiswa yang bakal dilahirkan nanti adalah mahasiswa yang mampu keluar bekerja dan boleh bekerjasama dengan bangsa asing tanpa kompromi.

Dewasa ini juga memperlihatkan usaha IPT untuk meramalkan dan memperbanyakkan bilangan pelajar antarabangsanya. Keadaan ini kurang berlaku dalam dekad yang lalu yang mana pelajar antarabangsa di setiap universiti boleh dikira dengan jari.

Tetapi pada masa kini, keadaan telah banyak berubah kerana banyak di IPT dan IPTS yang mengambil pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di tempat mereka. Ini menunjukkan sistem pendidikan di Malaysia telah diterima dunia luar dan peringkat antarabangsa.

Keadaan ini sebenarnya memberi peluang kepada pelajar Malaysia untuk belajar berinteraksi dengan individu dari negara luar secara tidak langsung. Ada banyak ruang untuk

mereka berkongsi pengalaman, pembelajaran, membuat projek atau tugas kuliah bersama, serta bertukar pendapat dalam aspek tertentu. Dalam hal ini, universiti boleh mengutar program tertentu untuk mendedahkan pelajar antarabangsa dengan kehidupan masyarakat tempatan atau mereka sendiri memperkenalkan budaya mereka kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, pihak IPT juga perlu memberikan ruang dan peluang untuk pelajar tempatan dan antarabangsa membentuk hubungan antarabangsa yang lebih erat antara mereka. IPT perlu melaksanakan perkara ini dengan bersungguh-sungguh dan tidak hanya mengahragkan pelajar membentuk sendiri budaya hubungan tersebut.

Antara langkah awal yang boleh dilakukan oleh IPT itu ialah dengan menyediakan satu ruang khas di universiti mereka seperti di bahagian hal ehwal pelajar. Bahagian ini akan bertanggungjawab mengutar dan mengurus program penggalakan pembinaan hubungan antara pelajar tempatan dan antarabangsa.

Dewasa kini dapat dilihat tidak banyak program yang menjuruskan kepada pertukaran idea dan program pendidikan merentasi sempadan. Apa yang hendak diperkatakan ialah ada sesetengah IPT yang mengadakan program pertukaran program pendidikan, berlaku secara tidak menyeluruh. Ia terlalu memfokuskan kepada bidang pengajian tertentu saja tanpa memberi penekanan kepada program lain.

Lahir siswa berketramampilan, ber-sifat global

Antaranya seperti cara pembelajaran dan pengajaran, kemahiran insaniah (softskills), komunikasi, budaya dan sebagainya. Jadi, jika perkara sebegini diabaikan atau kurang diambil kira ia akan menjejaskan usaha melahirkan graduan berketramampilan, berfikiran global dan nilai tambah kepada mereka.

Sebenarnya, ada banyak langkah yang boleh dilaksanakan. Terpujilah kepada IPT dan pelajar itu sendiri untuk mengukur kemampuan dan tahap kesediaan mereka untuk terabit pada peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, IPT dan pelajar dua aktor yang penting yang akan menggerakkan dan mengeratkan lagi hubungan pada peringkat antarabangsa.



Penulis

ialah pensyarah kanan Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP)

DR HASNAH HUSSINI